

'Gegaran macam gempa bumi'

Operasi kuari berhampiran dengan kediaman, penduduk bimbang keselamatan terancam

SEMENYIH - Penduduk di kawasan perumahan di sini hidup dalam kebimbangan sejak hampir 10 tahun lalu akibat ancaman keselamatan berikutan aktiviti kuari yang dijalankan berhampiran rumah mereka.

Penduduk, Omar Mohd Shah, 63, mendakwa, sebelum ini syarikat yang menguruskan kuari itu ada membuat perjanjian di mana mereka hanya akan beroperasi sehingga jam 6 petang.

"Pada Sabtu dan Ahad termasuk cuti umum pula, mereka tidak beroperasi.

"Mereka juga kata akan kawal bunyi bising, habuk dan sebagainya, namun lama-lama setelah kami tinggal di sini hampir 10 tahun...janji tinggal janji saja, operasi tamat lewat sampai 8 malam, Sabtu dan Ahad pun mereka

operasi," katanya.

Menurutnya, penduduk mahu syarikat yang menguruskan kuari berkenaan lebih prihatin berhubung isu tersebut.

"Selain pencemaran bunyi, penduduk terpaksa menutup tingkap dan mencuci kereta sepanjang masa akibat habuk," katanya kepada *Sinar Harian*.

Seorang lagi penduduk yang juga pelakon era 90-an, Datuk Syed Osman Syed Rashtan atau lebih dikenali Sidi Ozaa berkata, aktiviti kuari itu juga boleh memberi kesan terhadap kanak-kanak yang alergi pada habuk.

"Sebelum ini, saya dah bangkitkan perkara ini dan ia telah dibincangkan dalam komuniti penduduk bersama syarikat kuari itu.

"Mereka ada ambil inisia-

tif tanam pokok di sekitar kawasan perumahan, namun mereka kenalah kawal aktiviti letupan itu juga," katanya.

Azmi Mohd, 60, berkata, aktiviti harian keluarganya terganggu akibat operasi kuari berkenaan.

"Letupan dari kuari itu bukan saja mengancam keselamatan dan kesihatan mereka, malah menyebabkan rumah mereka retak.

"Aktiviti letupan tu pula tak tentu, kadangkala selang sehari, kadang-kadang letupan dilakukan waktu pagi dan petang, malah sejak akhir-akhir ini letupan itu agak kuat, dah macam gempa bumi," katanya kepada pemberita ketika ditemui di sini.

Sementara itu, Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat akan menyasiat aduan penduduk berkenaan.



Omar menunjukkan operasi kuari berhampiran dengan kediamannya.